



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN SEBUTHARGA

BILANGAN SEBUTHARGA: 08/OGOS/2017/PKBN/1.40/17
**TAJUK SEBUTHARGA : PERKHIDMATAN BAGI
PERLINDUNGAN INSURANS BAGI
PELATIH PROGRAM KHIDMAT
BAKTI NEGARA (PKBN)
PENGAMBILAN KE-7**

1. Sebutharga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari/waktu bekerja.
4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada **Pg Muhammad Nuur Hakiim Bin Pg Anak Badi'odzaman, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II** ditalian **2340045** (email: **hakim.badiodzaman@kkbs.gov.bn**), **Blok 18, Simpang 32-15, Flat Anggrek Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam.**
5. Yuran Sebutharga adalah **\$10.00** sahaja bagi setiap sebutharga dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebutharga yang sah ('bona-fide tender').
6. Sebutharga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebutharga serta tarikh tutup sebutharga tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**



7. Sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Sebutharga (berwarna hijau)** yang disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110,
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat pada hari Khamis 7 September 2017 jam 2.00 petang.

8. Sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. **Tarikh terakhir** mengambil dokumen sebutharga adalah pada hari **Rabu 6 September 2017 jam 3.00 petang.**
10. Sebutharga mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebutharga yang telah disediakan. Sebutharga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
11. Sebelum dokumen sebutharga dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran sebutharga dengan kadar yang telah ditetapkan.
12. Setiap borang sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan para 5).
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebutharga-sebutharga yang rendah atau lain-lain sebutharga.
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebutharga atau kontrak setelah kebenaran sebutharga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Sebutharga Negara, rujukan LTN/4(39/1997).

